



جائزہ حکامین شرعیۃ فتح

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG
Kompleks Syariah Al-Sultan Abdullah
Bandar Indera Mahkota
25200 Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR



Tel : 09-531 8666
Faks : 09-531 8747 / 8737
Web : <http://jksp.pahang.gov.my/>
E-mail : jksp@esyariah.gov.my

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami : JKSP 600-1/3/1 (9/)
Tarikh : 29 April 2024

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Pendaftar,

**ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PAHANG
BIL. 2 TAHUN 2024**

PROSIDING SEBUTAN DI HADAPAN PENDAFTAR

Saya ingin menarik perhatian YA Dato'/ YA Tuan/ Tuan/ Puan kepada keputusan Muzakarah Kehakiman Jabatan Kehakiman Syariah Pahang Bil. 1 Tahun 2024 pada 17hb hingga 19hb April 2024 bersamaan 8 Syawal 1445H hingga 10 Syawal 1445H di Xcape Resort, Taman Negara, Jerantut, Pahang yang bersetuju dan memutuskan berhubung apa-apa prosiding sebutan dan siasatan kes-kes permohonan sijil faraid (kematian selapis yang melibatkan lima waris asas) boleh dibuat di hadapan Pendaftar bagi Mahkamah Syariah daerah yang mempunyai Pendaftar sebagaimana kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 208 Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah 2002.

2. Bagi maksud peruntukan Seksyen 208 (f), YA Dato'/ YA Tuan/ Tuan Hakim/ Puan Hakim hendaklah mengeluarkan surat arahan dan perintah seperti di lampiran A kepada Pendaftar sebagai mematuhi peruntukan seksyen berkenaan.

3. Tafsiran Pendaftar adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah peruntukan Seksyen 3 Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah 2002.

Arahan ini berkuat kuasa mulai 2 Mei 2024.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Syariah Asas Keadilan”

(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN, DIMP., DSPN, SAP, PJK.)
Ketua Hakim Syarie Negeri Pahang.

“SYARIAH ASAS KeadILAN”



CERTIFIED TO ISO 9001:2008 CERT. NO. ARS104

Ruj. Kami :
Tarikh :

Assalamualaikum w.b.t

Pendaftar
Mahkamah Tinggi / Rendah Syariah
.....
.....

Tuan/Puan,

ARAHAN MENJALANKAN TUGAS-TUGAS LAIN PENDAFTAR DI BAWAH PERUNTUKAN SEKSYEN 208 (f) ENAKMEN TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH 2002.

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Tuan/Puan adalah diarahkan untuk menjalankan tugas-tugas lain Pendaftar seperti berikut:-

- a) menjalankan apa-apa prosiding sebutan; dan
- b) menjalankan siasatan kes-kes permohonan sijil faraid (kematian selapis yang melibatkan lima waris asas).

3. Arahan ini adalah sebagaimana kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 208 (f), Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah 2002.

Segala perhatian dan kerjasama Tuan / Puan adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Syariah Asas Keadilan”

.....
Hakim
Mahkamah Tinggi/Rendah Syariah

s.k